



Headline: Guru rugi RM27,000 ditipu sindiket
Publication/Portal:
Date: 13 January 2021

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 20

Guru rugi RM27,000 ditipu sindiket

Alor Setar: Seorang guru wanita kerugian RM27,000 selepas ditipu sindiket penipuan Macau yang menghubunginya dan menyamar sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Cyberjaya.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kedah, Superintendan Elias Omar, berkata mangsa berusia 38 tahun menerima panggilan daripada suspek.

Beliau berkata, mangsa berasal dari Sungai Petani dihubungi melalui panggilan telefon daripada suspek yang memperkenalkan diri sebagai Noraini Haji Daud yang mengaku pegawai LHDN cawangan Cyberjaya.

“Suspek memberitahu mangsa mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM38,600.90 yang mana nama mangsa dipercayai disalahgunakan oleh individu lain dalam pendaftaran sebuah syarikat di Kuantan, Pahang,” katanya dalam kenyataan semalam.

Elias berkata, orang ramai boleh menyemak kesahihan maklumat melalui <https://ccid.rmp.gov.my/semakmule/> atau mendapatkan maklumat dan modus operandi jenayah komersial terkini melalui <https://www.facebook.com/CyberCrimeAlertRMP/>,” katanya.